

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami mana-mana terma disini. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

HomeInsure Pro

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan anda perlindungan komprehensif untuk bangunan dan / atau kandungan anda dan alternatif yang baik untuk polisi Pemilik Rumah/ Kandungan Rumah anda yang sedia ada.

2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Polisi ini melindungi anda dari kerugian atau kerosakan pada bangunan atau kandungan anda yang disebabkan oleh kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah, letupan, pesawat, kerosakan impak, pecah atau limpahan paip atau tangki domestik, pecah masuk, rompakan, taufan, siklon, taufan, angin ribut, gempa bumi, letupan gunung berapi, banjir, rusuhan, mogok dan kerosakan yang berniat jahat, liabiliti peribadi, kemalangan diri dari kejadian yang diinsuranskan, eluan kesedihan dan kesulitan dan kehilangan sewa atau eluan sewa, cermin, dan kandungan dikeluarkan sementara dari bangunan.

Anda boleh memperluaskan perlindungan untuk perlindungan kecurian penuh, penambahan nilai insurans sewa, kerosakan akibat daripada aktiviti perkongsian rumah, perlanjutan tuan tanah, penenggelaman, tanah runtuh, kerosakan impak tambahan, perlindungan gadai janji untuk kematian atau hilang upaya kekal, 30 hari Perlindungan Pembelian untuk kerugian atau kerosakan, barang-barang rumah atau barang peribadi yang dibeli dalam tempoh masa 30 hari yang disebabkan oleh kejadian yang diinsuranskan, atau perubahan, pembaikan dan penambahbaikan kepada bangunan.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza-beza bergantung kepada Jumlah Diinsuranskan dan klasifikasi pembinaan bangunan.

KLASIFIKASI KEDUDUKAN	PENERANGAN UNTUK KLASIFIKASI PEMBINAAN				
	BANGUNAN	1A	1B	2	3
(a) Kediaman - Rumah: Berasingan dan teres;	Dinding: (a) binaan batu, batu, konkrit (atau variannya), blok dan / atau lapisan konkrit tidak kurang daripada 100mm (4 in) tebal dan / atau; (b) mana-mana bahan-bahan lain yang mempunyai sekurang-kurangnya 2 jam ketahanan api yang disahkan oleh badan penguatkuasa.	Dinding: (a) sebahagiannya daripada binaan batu, batu konkrit (atau variannya), blok, lapisan konkrit tidak kurang daripada 100mm (4 in) tebal dan sebahagian bahan bukan mudah terbakar dan / atau; Lantai: Untuk dibina daripada konkrit bertetulang.	Dinding: 1. (a) Sebahagian daripadanya dibina daripada bahan binaan batu, batu konkrit (atau variannya), blok, lapisan konkrit atau mana-mana bahan-bahan lain yang mempunyai sekurang-kurangnya ketahanan api yang sama seperti yang disahkan oleh badan penguatkuasa atau diklasifikasikan dalam Undang-Undang Kecil Bangunan, dan sebahagian kayu atau bahan-bahan yang mudah terbakar. NB: Penggunaan kayu atau bahan-bahan lain yang mudah terbakar tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah keluasan dinding; (b).daripada kepingan asbestos, atap zink, kepingan besi atau bahan-bahan yang tidak mudah terbakar lain.	Dinding: <i>Dinding Luar:</i> 1. (a) Sebahagian daripadanya dibina daripada bahan binaan batu, batu konkrit (atau variannya), blok, lapisan konkrit atau mana-mana bahan-bahan lain yang mempunyai sekurang-kurangnya ketahanan api yang sama seperti yang disahkan oleh badan penguatkuasa atau diklasifikasikan dalam Undang-Undang Kecil Bangunan, dan sebahagian kayu atau bahan-bahan yang mudah terbakar. NB: Penggunaan kayu atau bahan-bahan lain yang mudah terbakar tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah keluasan dinding; (b).daripada kepingan asbestos, atap zink, kepingan besi atau bahan-bahan yang tidak mudah terbakar lain.	Semua pembinaan lain yang bukan Kelas Pembinaan 1A, 1B Kelas dan Kelas 2.
(b) Kediaman - Pangaspuri, rumah pangsa dan kondominium.	 Bumbung Bangunan: Bumbung luaran dibina sepenuhnya daripada bahan-bahan yang tidak mudah terbakar.	 Bumbung bangunan: Bumbung luaran dibina sepenuhnya daripada bahan-bahan yang tidak mudah terbakar.	 Bumbung bangunan: Bumbung luaran dibina sepenuhnya daripada bahan-bahan yang tidak mudah terbakar.	 Bumbung bangunan: Bumbung luaran dibina sepenuhnya daripada bahan-bahan yang tidak mudah terbakar.	
KANDUNGAN					
(a) Kediaman - Rumah, Kondominium, Pangaspuri dan Rumah Pangsa;					
(b) Harta benda penghuni di Hotel, Kelab Kediaman dan Rumah Asrama					

	MANFAAT TAMBAHAN DENGAN PREMIUM PENAMBAHAN	KETERANGAN
1	Penambah Nilai Insurans Sewa	Tambahan nilai jumlah had sewa diinsurankan yang sedia ada.
2	Platform Aplikasi Perkongsian Rumah (elektronik atau digital)	Diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan ke atas Bangunan dan / atau Kandungan dari kerosakan berniat jahat oleh tetamu.
3	Perlanjutan tuan tanah	Diperluaskan untuk meliputi kerosakan oleh penyewa berniat jahat, dan yuran guaman untuk mengeluarkan surat tuntutan sewa dalam tempoh polisi anda.
4	Kerosakan impak yang disebabkan oleh Anda, Keluarga Anda, Isi Rumah, ejen atau pekhidmat Premis yang diinsuranskan.	Diperluaskan untuk melindungi kerosakan hentaman kepada bangunan yang disebabkan oleh anda, keluarga, rumah, ejen atau orang gaji anda.
5	Penenggelaman tapak tanah atau tanah runtuh	Diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman dan /atau pelonjakan tapak bangunan itu; atau gelinciran tanah.
6	Rompakan, Penahanan atau Kecurian (tanpa pecah masuk atau keluar)	Diperluaskan untuk melindungi kecurian, rompakan atau perbuatan samun, yang tidak disertai dengan pecah masuk atau keluar dari bangunan;
7	Perlindungan Gadai Janji: - (A). Ansuran gadai janji bulanan; (B). Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal Keseluruhan.	(A) Diperluaskan untuk melindungi pembayaran bulanan pinjaman gadai-janji atau jumlah pembiayaan sekiranya premis diinsuranskan tidak dapat dihuni disebabkan kerosakan akibat kejadian yang dilindungi. (B) Diperluaskan untuk melindungi anda sehingga jumlah gadai-janji diutang yang dinyatakan dalam jadual insuran anda; sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal disebabkan oleh kejadian yang diinsuranskan berlaku di dalam bangunan,
8	Perlindungan Pembelian Tiga Puluh (30) Hari	Diperluaskan untuk melindungi pembelian terkini anda dari kerugian atau kerosakan disebabkan kejadian yang diinsurangkan, berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pembelian anda tetapi hanya untuk pembelian yang langsung tidak diinsurangkan; ketika berada di dalam bangunan yang diinsurangkan.
9	Perubahan, pemberaan dan penambahan kepada Bangunan	Perlindungan berkenaan dengan perubahan, pemberaan dan penambahan dilakukan kepada Bangunan yang diinsurangkan.
10	Perlindungan Kemalangan Peribadi di seluruh dunia	Diperluaskan untuk melindungi kematian dan hilang upaya kekal disebabkan oleh kecederaan yang berpunca daripada kemalangan.
11	Perlanjutan kerosakan tangki,peralatan atau paip air	Diperluaskan untuk melindungi kos pemberaan atau penggantian tangki air, peralatan atau paip air yang rosak dan kos munasabah yang ditanggung untuk memecah dan/atau menampal dinding di sekeliling paip air, tangki atau peralatan yang terjejas.
12	Pendapatan Hospital untuk COVID-19 atau Demam Denggi	Diperluaskan dengan pendapatan hospital harian sehingga 14 hari, elauan kesusahan dan kos pembasmian kuman akibat COVID-19 atau demam denggi.
13	Perlanjutan Tambahan Tuan Tanah (dengan perlindungan Bangunan sahaja)	Diperluaskan untuk memberi Perlindungan kepada bangunan terhadap kerugian atau kerosakan daripada mana-mana Penyewa yang melarikan diri yang timbul daripada Perjanjian Penyewaan yang mengikat secara sah, semasa disewa dalam tempoh Polisi Insurans.

4. Selain daripada premium dan Cukai Perkhidmatan yang berkenaan, apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Komisen yang dibayar kepada agen insurans: 15% daripada Premium Kasar
Duti Setem: RM10.00

5. Apakah antaranya rujukan utama, terma dan syarat yang perlu saya ketahui?

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatian kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang kenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

6. Apakah pengecualian di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti: kerugian kewangan, kerugian atau kerosakan akibat perang, keganasan, pemberontakan, kaca dalam bangunan luar, haus dan lusuh, premis yang tidak didiami, dan sebagainya. Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini. Sesetengah pengecualian khusus, yang digunakan khusus untuk perlindungan atau faedah yang ditentukan, manakala untuk pengecualian umum, ia terpakai untuk keseluruhan polisi.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad dan premium di sini akan diselaraskan berdasarkan kepada The Pacific Insurance Berhad menerima atau mengekalkan premium jangka pendek biasa atau premium minimum bagi tempoh insurans belum luput.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada alamat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad atau ejen berdaftar kami tentang sebarang perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan semu surat-menjurut sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Bagaimanakah saya membuat tuntutan?

Anda dikehendaki apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan memberi notis segera mengenainya secara bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad dan hendaklah dengan perbelanjaan anda sendiri dalam masa tiga puluh hari selepas berlakunya kerugian atau kerosakan tersebut mengemukakan kepada The Pacific Insurance Berhad suatu tuntutan secara bertulis dengan butir-butir terperinci dan bukti yang diperlukan dengan semunasabahnya. Dalam kes kerugian atau kerosakan dari kecurian atau sebarang percubaan keatasnya, anda juga dikehendaki membuat laporan polis dengan segera.

10. Apakah jenis perlindungan insurans rumah lain yang boleh didapati daripada The Pacific Insurance Berhad?

Jenis-jenis perlindungan insurans rumah yang lain boleh didapati di laman web kami di www.pacificinsurance.com.my

11. Di mana saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai pertanyaan lain, sila hubungi:

The Pacific Insurance Berhad (91603-K)

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Fax: +603-2633 8998 Talian Bebas Tol: 1800 88 1629

Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Laman Sesawang: www.pacificinsurance.com.my

12. Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

TANDATANGAN: _____

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHWA HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERPATUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah pada **1 Mac 2024**.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan diantara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.